

HARI : SABTU
TARIKH : 7/12/2019
M/SURAT : 18A

RON97 turun 2 sen, RON95 dan diesel kekal

Putrajaya. Kementerian Kewangan (MOF) semalam mengumumkan harga runcit petrol RON97 turun 2 sen seliter menjadikan harganya RM2.64 seliter.

MOF dalam kenyataannya berkata, harga RON95 dan diesel pula masing-masing kekal pada paras RM2.08 serta RM2.18 seliter bagi tempoh 7 Disember hingga 13 Disember ini.

Menurut MOF, harga runcit petroleum ditetapkan secara mingguan menggunakan formula Automatic Pricing Mechanism (APM) iaitu harga runcit petrol RON95 dan diesel bagi tempoh yang sama sepatutnya masing-masing RM2.34 serta RM2.30 seliter.

